



# مجالس ڤربندران امقة جاي

## MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

MENARA MPAJ JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR  
55100 KUALA LUMPUR.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO. MY-AR 3870



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001 : 2013  
CERT. NO. MY-ISMS-00222



Telefon : 03-4296 8000 / 03-4285 7000  
Faks : 03-4296 8050 / 03-4296 8060  
E-mel : hotline@mpaj.gov.my

**selangorku**

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : MPAJ.L.100-  
8/1 Jld.4 (135)  
**15** Januari 2020

**PEMEGANG-PEMEGANG LESEN /  
PEMILIK PERNIAGAAN  
DALAM KAWASAN PENTADBIRAN  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

*Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan*

### NOTIS MAKLUMAN DAN PEMBERITAHUAN PROGRAM:

**PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN IKLAN-IKLAN PERNIAGAAN [DI DALAM DAN DI LUAR PREMIS] YANG TIDAK BERLESEN / MELANGGAR SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN IKLAN SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MPAJ) 2007**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan melaksanakan Program : **PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN IKLAN-IKLAN PERNIAGAAN [DI DALAM DAN DI LUAR PREMIS] YANG TIDAK BERLESEN / MELANGGAR SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN IKLAN** selaras dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil Iklan (MPAJ) 2007 terhadap semua jenis iklan perniagaan di setiap premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

3. Perlaksanaan program tersebut akan dilaksanakan bermula pada **Mac 2020** di setiap premis perniagaan. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan **hendaklah memastikan**:

- 3.1 Setiap **aktiviti perniagaan** yang dijalankan mempunyai lesen perniagaan yang sah dari MPAJ; dan
- 3.2 Setiap **jenis iklan** yang dipasang / dipamer di premis perniagaan:
  - (a) Mempunyai kelulusan / lesen iklan (di dalam dan di luar premis perniagaan);
  - (b) Mempamerkan visual yang telah diluluskan / visual mematuhi kelulusan asal;
  - (c) Mempamerkan jenis papan iklan (iklan sinar / tidak sinar) mematuhi kelulusan asal;
  - (d) Mempamerkan jumlah iklan mengikut bilangan yang telah diluluskan;
  - (e) Saiz papan iklan adalah sama seperti kelulusan asal;

KODS MAJLIS DAN PENGARAH HULU PROGRAM  
PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN PAPAN IKLAN PERNIAGAAN [DI DALAM DAN DI LUAR  
PREMIS] YANG TIDAK SEPLESEN / MELANGGAR SYARAT-SYARAF KEULUSAN LESEN IKLAN  
IKLAN SPERAS DIPERINTAH UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MPAJ) 2007

- (f) Mematuhi semua peruntukan undang-undang di dalam Undang-Undang Kecil Iklan (MPAJ) 2007 dan undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia

4. Kegagalan mematuhi arahan yang ditetapkan, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan akan dikenakan tindakan kompaun:

- 4.1 **Aktiviti perniagaan tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah – kompaun maksimum RM 1,000.00** mengikut undang-undang kecil yang bersesuaian; dan
- 4.2 **Apa-apa kesalahan berkaitan iklan perniagaan – kompaun maksimum RM 1,000.00** mengikut peruntukan UUK 36 (1), Undang-Undang Kecil Iklan (MPAJ) 2007.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan yang memerlukan penjelasan lanjut, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Jabatan Pelesenan di talian 03-4285 7344 atau email di [pelesenan@mpaj.gov.my](mailto:pelesenan@mpaj.gov.my).

Segala kerjasama dari pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam mematuhi semua arahan Majlis dan menjayakan program ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MARLINA BINTI MOHAMAD PPC)**

Pengarah

Jabatan Pelesenan

b.p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

MM/Ammy/Notis Makluman Iklan/7.1.2020

▲ : 03-42857344

■ : 1-800-22-8100

○ : [marlina@mpaj.gov.my](mailto:marlina@mpaj.gov.my)

7/1/2020